

SunCon cadang dividen interim pertama

KUALA LUMPUR – Sunway Construction Group Bhd. (SunCon) mencadangkan dividen interim pertama 3.5 sen sesaham bagi tahun 31 Disember 2019 menjadikan jumlah yang diisytiharkan adalah lebih daripada 60 peratus keuntungan sebelum cukai dan saham minoriti seluruh tahun (PATMI).

Syarikat turut mengumumkan perolehan sebanyak RM440.2 juta dan keuntungan sebelum cukai RM41.2 juta bagi suku yang berakhir 30 Jun 2019.

Pengarah Urusannya, Chung Soo Kiong berkata, syarikat juga berjaya memperoleh buku pesanan baharu bernilai RM1.53 bilion melebihi sasaran RM1.5 bilion bagi separuh pertama tahun 2019.

“Syarikat masih masih memburu pelbagai tender di dalam dan luar negara dan menyasarkan untuk memperoleh kerja pertamanya di luar negara pada tahun ini.

“Kami positif dengan prospek sektor pembinaan tempatan berikutan penyambungan semula projek Laluan Rel Pantai Timur RM44 bilion dan juga terdapat peluang dalam sektor tenaga lestari seperti pembangunan projek Fasa 3 Solar Berskala Besar,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Soo Kiong, Sunway Construction menjangkakan lebih banyak projek akan diumumkan dalam 12 bulan akan datang.